

**SYARAT-SYARAT DARI SEGI KESIHATAN, KEBERSIHAN DAN AM  
BAGI PEMBINAAN KOMPLEKS PENJAJA DAN PASAR AWAM  
OLEH BAHAGIAN PELESENAN, JABATAN KESIHATAN  
PERSEKITARAN DAN PELESENAN, M.B.P.P.**

Syarat-syarat dari segi kesihatan, kebersihan dan am bagi pembinaan kompleks penjaja dan pasar awam di tapak tersebut adalah seperti berikut:

**A. SYARAT-SYARAT KESIHATAN, KEBERSIHAN DAN AM BAGI PENYEDIAAN  
KOMPLEKS PENJAJA**

Kawasan pemajuan bagi penyediaan Kompleks Penjaja hendaklah dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

**(I) SYARAT-SYARAT KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

1. Dinding bahagian penyediaan dan penyimpanan makanan bagi gerai sesebuah kompleks penjaja hendaklah dipasang dengan jubin dan mempunyai keemasan yang baik dengan permukaan yang licin yang mana boleh dicuci dengan mudah dan cepat tanpa unjuran-unjuran atau sudut-sudut yang boleh mengumpul habuk/kotoran dengan ketinggian paras siling.
2. Semua meja atau tempat pamir yang digunakan untuk mempamerkan makanan bagi tujuan penjualan makanan hendaklah dipasang dengan lapisan 'stainless steel'.
3. Lantai kompleks penjaja hendaklah dipasang dengan jubin 'non-slip' dengan kecerunan bersesuaian agar semua cecair boleh mengalir dengan mudah ke sistem perparitan dan buangan akhir perlu disalurkan ke pembentungan awam/logi rawatan kumbahan.
4. Sediakan sistem perparitan dalaman ('parameter drain'/scupper drain') di setiap unit gerai individu (bagi longkang yang mengelilingi kawasan penjualan makanan/minuman) serta keseluruhan sekeliling kompleks penjaja, lengkap berserta penutup yang bersesuaian..
5. Papan tanda 'Haiwan Adalah Dilarang dibawa Masuk/No Pets Allowed' hendaklah dipamerkan dengan jelas di keseluruhan kawasan kompleks penjaja.

## LAMPIRAN "A"

6. Menyediakan 'sump pit' dan 'trash screen' pada penghujung sistem perparitan kompleks penjaja sebelum disambungkan ke perparitan awam.
7. Menyediakan tong sampah bertudung dengan bilangan yang bersesuaian dan memastikan semua sampah yang dibuang dimasukkan kedalam plastik sebelum dibuang.
8. Kemudahan basen basuh tangan dengan bilangan yang mencukupi perlu disediakan untuk kegunaan pelanggan mencuci tangan.
9. Menyediakan kemudahan cerobong asap ('cooking hood') di bahagian dapur memasak dari jenis mekanikal bagi setiap unit gerai secara individu yang terdapat di dalam Kompleks Penjaja.
10. Kompleks Penjaja juga perlu disediakan dengan kemudahan bilik air/tandas yang berasingan untuk lelaki dan perempuan. Ianya juga hendaklah dilengkapi dengan pemasangan pili dan hos/bidet.
11. Keseluruhan bahagian dalaman dinding bilik tandas lelaki dan perempuan hendaklah dipasangkan dengan jubin dan ketinggian hendaklah sehingga paras siling.

### (II) SYARAT-SYARAT AM

1. Setiap gerai penjaja di kompleks penjaja hendaklah disediakan dengan kemudahan bekalan air dan letrik serta meter yang berasingan (individu) untuk setiap gerai.
2. Saiz setiap gerai keluaran pasar hendaklah berukuran minima 120 kaki persegi.
3. Lantai bahagian penjualan dan penyimpanan barang di dalam gerai hendaklah diperbuat daripada jubin 'non-slip' atau bahan kalis yang bersesuaian.
4. Keseluruhan kawasan kompleks penjaja hendaklah dibekalkan dengan sistem pencahayaan dan pengudaraan secara mekanikal dan semulajadi yang mencukupi dan sempurna.
5. Kemudahan bilik tandas untuk orang kelainan upaya (OKU) juga hendaklah disediakan secara berasingan.
6. Kompleks penjaja juga perlu disediakan dengan kemudahan bilik pejabat dan stor simpanan peralatan pembersihan yang berasingan.
7. Semua air limbah dari tempat membasuh setiap unit gerai perlu disalurkan ke perangkap gris unit individu sebelum disambungkan ke perangkap gris berpusat dan akhirnya disambungkan ke pembentungan awam/logi rawatan kumbahan.
8. Menyediakan pili air dan meter berasingan di kawasan kompleks makanan untuk kegunaan pencucian kawasan tersebut.

## LAMPIRAN "A"

9. Ruangan 'Loading/Unloading Bay' hendaklah disediakan sewajarnya untuk kemudahan peniaga-peniaga kompleks makanan menaik dan menurunkan barang-barang jualan.
10. Menyediakan ruang untuk papan notis di kawasan kompleks penjaja untuk mempamer makluman M.B.P.P. yang berkaitan dari masa ke semasa.
11. Menyediakan kawasan hijau atau menempatkan "planter box" bagi menghijaukan sudut/ruangan tertentu kawasan kompleks penjaja.
12. Menyediakan kemudahan tempat duduk dan meja yang sempurna dan mencukupi untuk pelanggan.
13. Bahagian dalaman depo sampah hendaklah dipasang dengan jubin sehingga siling dan dibekalkan dengan bekalan air untuk kemudahan membasuh/mencuci. Air limbah dari pusat tong sampah tersebut hendaklah diperangkap dan disalurkan ke sistem pembentungan awam. Pelan ditil untuk depo sampah sampah yang dicadangkan hendaklah dikemukakan untuk ulasan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran.

### **B. SYARAT-SYARAT KESIHATAN, KEBERSIHAN DAN AM BAGI PASAR AWAM**

Kawasan pemajuan Pasar Awam hendaklah dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

#### **(I) SYARAT-SYARAT KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**

1. Dinding bahagian dalaman pasar hendaklah dipasang dengan jubin dan mempunyai keemasan yang baik dengan permukaan yang licin yang mana boleh dicuci dengan mudah dan cepat tanpa unjuran-unjuran atau sudut-sudut yang boleh mengumpul habuk/kotoran.
2. Lantai pasar awam hendaklah dipasang dengan jubin 'non-slip' dengan kecerunan bersesuaian agar semua cecair boleh mengalir dengan mudah ke sistem perparitan dan akhirnya disalurkan ke pembentungan awam/logi rawatan kumbahan.
3. Lantai bahagian penjualan hendaklah direka dengan keadaan di mana ianya lebih rendah sedikit dari lantai laluan pembeli/orang awam atau mengadakan lantai pemisah secara bertingkat diantara kawasan gerai jualan dan laluan awam agar air limbah dari tempat jualan tidak mengalir keluar membasahi laluan awam/pembeli.
4. Semua meja atau tempat pamir yang digunakan untuk mempamerkan bagi penjualan di pasar awam hendaklah dipasang dengan lapisan 'stainless steel' mengikut kesesuaian jenis jualan pasar.

## LAMPIRAN "A"

5. Kerja-kerja menyembelih dan memproses ayam/itik adalah tidak dibenarkan sama sekali dilakukan di pasar.
6. Sediakan sistem perparitan dalaman ('parameter drain'/scupper drain') di keseluruhan dalaman sekeliling gerai pasar awam lengkap berserta penutup yang bersesuaian bagi longkang yang mengelilingi kawasan penjualan barangan basah/kering.
7. Papan tanda 'Haiwan Adalah Dilarang dibawa Masuk/No Pets Allowed' hendaklah dipamerkan dengan jelas di keseluruhan kawasan pasar.
8. Menyediakan 'sump pit' dan 'trash screen' pada penghujung sistem perparitan bangunan pasar sebelum disambungkan ke perparitan awam.
9. Menyediakan tong sampah bertudung dengan bilangan yang bersesuaian dan memastikan semua sampah yang dibuang dimasukkan kedalam plastik sebelum dibuang.
10. Menyediakan zon penamparan (buffer zone) sebagai pemisah antara ruangan Kompleks Penjaja dan Pasar Awam dengan "Green Buffer" selaras dengan konsep "Cleaner, Greener" bersekalikan dengan ruangan Permainan Kanak-kanak atau riadah ringan serta lain-lain yang bersesuaian.

### (II) SYARAT-SYARAT AM

1. Disediakan kemudahan bekalan air dan letrik serta meter yang berasingan (individu) untuk setiap gerai keluaran pasar di pasar awam.
2. Saiz setiap gerai keluaran pasar hendaklah berukuran 120 kaki persegi.
3. Lantai bahagian penjualan dan penyimpanan barang di dalam gerai keluaran pasar hendaklah diperbuat daripada jubin 'non-slip' atau bahan kalis yang bersesuaian.
4. Kompleks pasar awam hendaklah dibekalkan dengan sistem pencahayaan dan pengudaraan secara mekanikal dan semulajadi yang sempurna dan mencukupi.
5. Menyediakan garisan dari jubin yang berwarna "kuning" sebagai garisan sempadan antara gerai dan ruang pejalan kaki sebagai panduan bagi mengelakkan limpahan barangan jualan peniaga ke laluan awam.
6. Kedudukan meja atau tempat pamir hendaklah dalam kedudukan dua dalam satu atau bersebelahan antara satu sama lain agar mudah untuk setiap pegerai membawa dan mengeluarkan barang-barang perniagaan masing-masing.
7. Menyediakan kemudahan bekalan air dan elektrik secara meter berasingan (individu) untuk setiap gerai.
8. Gerai untuk barangan runcit, barangan am, kelapa dan buah-buahan hendaklah dibekalkan dengan dinding dan kemudahan pintu dari jenis 'roller shutter'.

## LAMPIRAN "A

Sementara bahagian dalaman dinding gerai jualan tersebut hendaklah dipasang dengan jubin sehingga paras siling.

9. Bahagian untuk jualan barangan makanan "HALAL" dan NON-HALAL" (penjualan daging babi) hendaklah diasingkan sewajarnya dan ditanda dengan jelas.
10. Kemudahan bilik tandas untuk orang kelainan upaya (OKU) hendaklah disediakan secara berasingan.
11. Kawasan pasar awam juga hendaklah disediakan dengan kemudahan pejabat dan stor penyimpanan barangan pencucian yang berasingan.
12. Semua air limbah hendaklah disalurkan ke perangkap gris unit individu sebelum disambungkan ke pembentungan awam.
13. Menyediakan pili air dan meter berasingan di kawasan awam pasar untuk kegunaan pencucian kawasan pasar.
14. Ruangan 'Loading/Unloading Bay' hendaklah disediakan secara berasingan (HALAL/NON-HALAL) untuk kemudahan peniaga-peniaga pasar awam menaik dan menurunkan barang-barang jualan.
15. Menyediakan ruang papan notis di luar kawasan pasar untuk mempamer maklumat berkaitan M.B.P.P. dari masa ke semasa.
16. Menyediakan kawasan hijau/lanskap atau menempatkan "planter box" bagi menghijaukan sudut/ruangan tertentu kawasan pasar.
17. Bahagian dalaman depo sampah hendaklah dipasang dengan jubin sehingga siling dan dibekalkan dengan bekalan air untuk kemudahan membasuh/mencuci. Air limbah dari pusat tong sampah tersebut hendaklah diperangkap dan disalurkan ke sistem pembentungan awam. Pelan ditil untuk depo sampah sampah yang dicadangkan hendaklah dikemukakan untuk ulasan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran.

\*\*\*\* Kesemua catitan dan kehendak-kehendak yang tersebut di atas hendaklah dicatat dan ternyata diatas pelan bangunan.